



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 25 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	VAE 2021 BOOST AGROFOOD INDUSTRY IN THE NEW NORMAL, BUSINESS TODAY - ONLINE HARGA AYAM MULA TURUN: PENYELESAIAN TUNTAS MASIH DIPERLUKAN, MALAYSIA GAZETTE - ONLINE LIBAT URUS KPDNHEP STABILKAN HARGA BARANG MAKANAN, BH - ONLINE CADANGAN SUBSIDI AYAM AKAN DIPERHALUSI, HM - ONLINE GANGGUAN BEKALAN AIR HALANG AKTIVITI EKONOMI LEMBAH KLANG DALAM PPN, UM - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	RAISING AWARENESS OF SEA TURTLES, NEWS, THE STAR -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	MAQIS RAMPAS PUTIK BUNGA DARI INDIA, NEGERI P.PINANG, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9.	MARDI BEKALKAN BENIH TANAMAN SECARA PERCUMA KEPADA PETANI, ASTRO AWANI - ONLINE MARDI BEKALKAN BENIH TANAMAN SECARA PERCUMA KEPADA PETANI, UTUSAN BORNEO SABAH - ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MALAYSIA (MARDI)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	PERAK PERLUAS KAWASAN TERNAKAN RUSA, NEGERI PERAK, SH -26 HEXTAR GLOBAL TO REMAIN ON M&A ROUTE FOR EXPANSION, NEWS, THE STAR -4 AGRICULTURE - RELATED BUSINESSES STILL RELEVANT FOR HEXTAR GLOBAL, NEWS, THE STAR -6 BOT NELAYAN VIETNAM JADI TUKUN TIRUAN, LOKAL, HM -24 119 BOT NELAYAN ASING DILUPUSKAN, NEGERI TERENGGANU, SH -30 NELAYAN MUDA TERJABK DADAH AKIBAT PENGARUH RAKAN, NEGARA, KOSMO -7 'BAJAK SAWAH PUN SERONOK JUGA', LOKAL, HM -22 ROCK MELON KEBUN KOMUNITI MINI CAMERON HIGHLANDS, NEGARA, KOSMO -16 PNK RUNSING CHALET RUGI RATUSAN RIBU RINGGIT, DALAM NEGERI, UM -12 CHALET PNK Pengerang kini sunyi sepi, NEGARA, KOSMO -17 TANAMAN JAGUNG JADI PENYUMBANG HIDUP SEMULA, NEGARA, KOSMO -17 JUTAWAN BERJIWA KAMPUNG, LOKAL, HM -7	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	BUSINESS TODAY	ONLINE	

## VAE 2021 Boosts Agrofood Industry In The New Normal



The Inauguration Ceremony of the Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021) organised by the Department of Agriculture Malaysia was finalised virtually on September 14 with the presence of YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Minister of Agriculture and Food Industry.

The VAE 2021 program is a state-of-the-art agricultural technology development program designed specifically to boost the country's agro-food industry under the new normal.

Through the VAE 2021, participants get the opportunity to share and learn about the best agricultural technology expertise practised by the world's leading agricultural companies.

The program also encourages the involvement of industry players under the crop sub-sector to explore business opportunities under the contractual farming programme through business matching activities with agricultural producers for the domestic and export markets.

In addition, the VAE 2021 program can also help MAFI to expand and strengthen the marketing of agricultural products through e-commerce platforms while enhancing the marketability and availability of agricultural products for domestic and international markets.

According to Dr Ronald, VAE 2021 is in line with the policies and efforts of the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) that place special emphasis on modernisation strategies and smart agriculture through the formulation of the National Agro-Food Policy 2021-2030 (DAN 2.0) which will be launched in the near future. At the same time, efforts to drive modernisation in agro-food are in line with national aspirations towards revolutionising Industry 4.0 in the national economic sector.

In his inaugural speech, Dr Ronald said that the agro-food sector contributed 6.8% to RM51.3 billion to Gross Domestic Product (GDP) in 2020, showing an increase of growth rate compared to RM28.3 billion in 2011. Meanwhile, the crop sub-sector remained the main contributor at RM24.1 billion compared to other sub-sectors under the agro-food sector.



He explained that productivity and agricultural yields will be further enhanced through the use of smart agricultural technologies such as precision farming, internet of things (IoT), big data, artificial intelligence (AI), blockchain and drones for mapping activities, seed distribution, pesticide spraying and

fertilizer. The use of technology can contribute to improving the quality and quantity of crop yields which in turn can increase overall productivity.

He added that the focus will also be on improving the technical competencies of extension officers to be able to transfer technology to food producers and provide a conducive environment for technology adoption by the target group through financial facilities, product digitization and e-commerce market access.

This move is in line with the main goal of MAFI and the Department of Agriculture to make the agro-food sector a sustainable, resilient and high-tech industry that can drive economic growth and improve the well-being of the people as well as prioritize food security and nutrition.

Since 2018, the implementation of their rejuvenation program by the Department of Agriculture has successfully achieved a contract value of agricultural products exceeding RM 10 million and this value is expected to grow as a result of VAE 2021 this time, especially through cooperation and concerted efforts by all parties, especially in the agro-food sector, departments and agencies under MAFI.

To ensure more users could access the information and technology presented in this webinar, the program will be broadcasted for 30 days on the program's official website, [www.vae2021.com](http://www.vae2021.com). The program is also available on all social media platforms of the Department of Agriculture, such as [Facebook](#), [Twitter](#), [Instagram](#) and [Youtube TV Pertanian](#).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Harga Ayam Mula Turun: Penyelesaian Tuntas Masih Diperlukan




Punca peningkatan harga ayam awal September lalu perlu dikenal pasti dan dicari jalan penyelesaian segera.

KUALA LUMPUR – Mekanisme libat urus yang dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) ternyata telah berjaya menstabilkan semula harga ayam yang naik mendadak awal bulan ini.

Kaedah mendekati peniaga di lokaliti yang mengalami kenaikan harga ayam membuahkan hasil apabila data menunjukkan trend penurunan harga ayam.

Setakat 20 September lalu, hanya 10 premis (1.74%) masih menjual ayam pada harga melebihi RM10 sekilogram.

Pihak industri juga bersetuju menurunkan lagi harga ayam di peringkat pengeluar dan ladang supaya harga di peringkat borong dan runcit juga dapat distabilkan sekaligus membantu pengguna untuk menikmati harga ayam pada harga yang berpatutan.



Namun tidak bermakna kedua-dua kementerian boleh menarik nafas lega kerana sentiasa ada pihak-pihak yang mencari ruang untuk menaikkan harga bagi meraih keuntungan tanpa memikirkan beban yang terpaksa ditanggung oleh pengguna.

Kenaikan harga ayam bukan yang pertama pada tahun ini. April lalu harga ayam turut dilaporkan meningkat iaitu menjelang musim perayaan.

Sebab itu kedua-dua menteri yang bertanggungjawab iaitu Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (KPDNHEP) dan Datuk Seri Dr Ronad Kiandee (MAFI) berikrar untuk memastikan kementerian masing-masing memantau rapi isu kenaikan harga ayam.

Malah Alexander sendiri menegaskan pendirian tidak teragak-agak meletakkan ayam di bawah harga kawalan biar pun langkah tersebut mungkin tidak popular namun tiada pilihan lain jika pihak-pihak tertentu terus berdegil menaikkan harga.

Kedua-dua kementerian akan melakukan pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan menerusi sesi libat urus dengan semua pihak yang terbabit dalam isu harga ayam baik di peringkat peladang, pemborong, peniaga malah pengguna.

Ia bagi memastikan harga ayam di peringkat runcit stabil dan munasabah



KPDHEP giat menjalankan pemeriksaan harga barangan basah.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz merumuskan kenaikan baru-baru ini bersifat sementara ekoran pembukaan semula sektor negara selepas kekangan pandemik Covid-19.

Untuk itu kaedah terbaik sedang diteliti supaya masalah kenaikan harga ayam dapat ditangani secara jangka panjang supaya pihak-pihak yang

terbabit tidak mempunyai ruang untuk bertindak sesuka hati menaikkan harga.

Penyelesaian secara holistik sedang diusahakan oleh KPDHEP dan MAFI lantaran kenaikan harga ayam boleh berlaku apabila permintaan tertinggi terutamanya pada musim perayaan.

Sebarang keputusan dibuat perlu dipastikan mempunyai impak kepada semua pihak yang terlibat termasuk industri lain dalam rantaian supaya ia bersifat adil dan saksama terutamanya kepada pengguna.

#### Harapan peniaga kepada kerajaan

Tinjauan MalaysiaGazette di Pasar Seksyen 6 Shah Alam baru-baru ini mendapati rata-rata peniaga akur menurunkan harga ayam biar pun sebelum itu mereka menjual pada harga RM10 sekilogram.

Peniaga, Shahrul Nizam Ismail, 45, merayu kerajaan menerusi agensi berkaitan supaya menjalankan pemantauan dan siasatan di peringkat ladang pemborong bagi mendapatkan gambaran sebenar situasi yang berlaku.



Shahrul Nizam Ismail

Menurut Shahrul Nizam yang sudah lebih 15 tahun mengusahakan perniagaan memahami masalah yang dihadapi pelanggan yang terpaksa membayar pada harga tinggi untuk mendapatkan ayam segar.

“Kalau ikut kita peniaga ini memang rasa terbeban kerana kos terlalu tinggi, biasanya kita akan jual antara RM8 hingga RM8.50 tapi bila

kita jual antara RM9 hingga RM10 memang pembeli lagi rasa terbeban.

“Kita sendiri sebagai peniaga sudah rasa terbeban apatah lagi pengguna di luar sana. Jadi, kita minta kerajaan pantau lah situasi ini, kasihanlah pada kami dalam musim pandemik Covid-19 ini apabila harga barang melambung tinggi.

“Minta juga semua jabatan yang berkaitan siasat apa yang berlaku, di mana silapnya sama ada dari peniaga atau penternak,” katanya.

Keluhan Shahrul Nizam sewajarnya mendapat perhatian KPDNHEP dan MAFI dalam menjejaki punca sebenar kenaikan harga ayam supaya sebarang mekanisme yang diperkenalkan kelak benar-benar berkesan dalam mengakhiri episod kenaikan harga.

### **Punca kenaikan harga ayam perlu diperinci**

Punca sebenar kenaikan harga ayam sememangnya perlu dikenal pasti dan diperhalusi. Jika benar kenaikan berpunca daripada harga makanan ayam dan ubat-ubatan ayam yang mahal dan 80 peratus daripadanya terpaksa diimport, maka perkara ini juga perlu cari jalan penyelesaiannya

Laporan menunjukkan kos makanan ayam telah meningkat sehingga 75 peratus – satu kenaikan yang amat tinggi tentunya memberi kesan kepada para penternak dan tidak mustahil itu menjadi punca mereka menaikkan harga ayam.



Harga makanan ayam yang semakin mahal dikatakan antara punca kenaikan harga ayam.

Ini kerana kos ternakan ayam pasti meningkat apabila harga makanan ayam kini dijual pada RM1,400 setan metrik berbanding sekitar RM800 sebelum ini.

Kesan rantaian adalah harga borong dan runcit ayam segar terpaksa dinaikkan untuk menampung kos ternakan.

Persoalan yang timbul adalah berapakah margin kerugian yang terpaksa ditanggung oleh penternak/pengeluar ayam apabila harga diturunkan semula setelah melonjak pada awal bulan ini.

Mengapa mereka akur menurunkan harga jika terpaksa menanggung kerugian? Atau sebenarnya mereka tidak rugi cuma untung yang diperoleh menurun sedikit berbanding sebelum ini?

Oleh itu, KPDNHEP dan MAFI juga badan yang bakal ditubuhkan untuk memantau serta menyelesaikan kenaikan harga ayam diharap dapat menyusun mekanisme yang memberi kemenangan kepada semua pihak.

Dakwaan wujudnya kartel anak ayam juga perlu dikenal pasti dan disiasat kesahihannya supaya selain faktor-faktor lain yang membawa kepada kenaikan harga ayam yang telah berlarutan sejak bertahun-tahun lamanya.

### **Kuasa pengguna jawapan sebenar**

Seorang ibu pernah berkata, anaknya enggan makan jika tidak berlaukkan ayam.

Ayam sememangnya menjadi kegemaran rakyat Malaysia dan sentiasa ada dalam menu harian. Sumber protein ini menjadi makanan popular apatah lagi rangkaian makanan segera berasaskan ayam kini tumbuh umpama cendawan selepas hujan.

Faktor harga ikan yang semakin mahal juga mendorong rakyat terutama golongan berpendapatan sederhana dan mempunyai keluarga yang besar menjadikan ayam sebagai sumber menu harian.

Seekor ayam boleh dipotong 18 cukup untuk memenuhi selera anak-anak malah adakalanya boleh dimasak lagi keesokan harinya.

Justeru apabila harga ayam meningkat, pengguna dilanda kerisauan kerana terpaksa mengehendkan jumlah pembelian tetapi dalam masa yang sama mulut yang perlu disuap tidak berkurangan.

Namun pengguna tidak boleh menyerahkan bulat-bulat kepada pihak berkuasa untuk menangani isu kenaikan harga ayam.



Pengguna juga mempunyai tanggungjawab yang besar, malah turun naik harga ayam amat bergantung kepada peranan kumpulan ini sebagai 'mata-mata' pihak berkuasa.

Pengguna perlu bijak memainkan peranan membuat pemantauan dan melaporkan segera kepada pihak berkuasa jika terdapat sebarang peningkatan biar pada jumlah yang kecil.

Tanpa kerjasama pengguna, pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga ayam bersandarkan pelbagai alasan akan terus berbuat demikian tanpa rasa bersalah.

Harapan pengguna kepada kerajaan amat tinggi

dalam menangani isu kenaikan harga ayam tetapi pada masa yang sama mereka perlu mengorak inisiatif membuat perbandingan harga sebelum membeli bukan sahaja ayam malah apa-apa sahaja barangan keperluan asas.

Ini kerana masih ada premis atau penjual yang menawarkan harga berpatutan kepada pengguna, jadi terpulang kepada rakyat untuk menggunakan kuasa sebagai pembeli sebaik-baiknya.

Sikap terlalu bergantung kepada sesuatu premis perniagaan tanpa mahu berusaha menjenguk ke tempat lain harus dihentikan kerana ia amat merugikan pengguna itu sendiri.

Dalam suasana Malaysia dan dunia dilanda Covid-19, sememangnya diakui poket rakyat perlu dijaga kerana ramai yang terjejas mata pencarian akibat pandemik tersebut.

Nasib golongan peniaga juga perlu diberi perhatian, begitu juga dengan pengeluar dan pemborong supaya setiap pihak yang terlibat dalam rantai harga ayam mendapat hak masing-masing dengan adil dan saksama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Libat urus KPDNHEP stabilkan harga barang makanan



KUALA BERANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa mengadakan libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan pemain industri dalam usaha menstabilkan harga barang makanan, termasuk ayam, telur dan sayur.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata pendekatan baharu secara lembut atau 'soft approach' yang sama juga turut digunakan dalam menangani isu kenaikan harga ayam yang naik melebihi RM10 sekilogram di beberapa kawasan di seluruh negara, baru-baru ini.

Beliau berkata, KPDNHEP mengambil inisiatif mengadakan pertemuan dengan kementerian berkaitan dan pemain industri seperti petani dan penternak dalam mencari jalan penyelesaian yang memberi kebaikan kepada semua pihak.

"Kita akan cari satu titik pertemuan (yang) tidak membebankan penternak, peladang dan petani, selain pada masa sama, menjaga hak pengguna supaya mereka ini tidak terbeban.

"Sebagai contoh, timun dan sawi adalah antara sayuran yang kerap mengalami perubahan harga berikutan mendapat permintaan tinggi di pasaran.

"Keadaan cuaca, peningkatan jumlah permintaan dan beberapa faktor lokaliti, termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKDP) di Cameron Highlands, Pahang sebelum ini mungkin menjejaskan pengeluaran hasil pertanian dan mempengaruhi kestabilan harga sayuran," katanya.

Beliau ditemui selepas meninjau proses vaksinasi di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kampung Sungai Berua, di sini, hari ini.

Mengulas mengenai harga ayam yang dilaporkan melebihi RM10 sekilogram, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, pemantauan mendapati harga bahan mentah mula menunjukkan penurunan.

"Kita cuba menetapkan ia dijual pada harga RM8.50 sekilogram dan ketika ini, perbincangan bersama pihak yang berkaitan masih berjalan.

"Hasil pemantauan yang dijalankan mendapati keberadaan bekalan barangan makanan, termasuk sayuran, ayam, telur, minyak masak, gula, tepung, bawang dan sebagainya mencukupi dan stabil walaupun aktiviti pembelian di pasar dan pasar raya semakin meningkat.

"Lebih 2,200 penguat kuasa dan lebih 1,000 pegawai pemantau harga sentiasa turun padang melakukan pemantauan harga sayuran dan barangan makanan lain seperti telur, ikan, daging, ayam setiap hari di seluruh negara," katanya.





Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid pada sidang media selepas meninjau proses vaksinasi di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kampung Sungai Berua, di sini. - Foto NSTP/GHAZALI KORI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## Cadangan subsidi ayam akan diperhalusi



Subang Jaya: Kerajaan akan memperhalusi cadangan berhubung sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, pihaknya akan berbincang terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan diputuskan.

"Perbincangan dengan pelbagai kementerian bagi memperhalusi. Apa-apa dasar yang akan diputuskan, kita tidak boleh membuat dasar yang menyebelahi satu pihak sahaja.

"Perkara ini perlu diperhalusi lagi bersama persatuan industri ayam dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi)," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pembukaan pasar raya Big Mart di Taman Puchong Perdana, hari ini.

Hasnol berkata, pihaknya juga sudah mengadakan percincangan dengan pihak industri bagi mendapatkan input berhubung harga bekalan.

"Semua pihak kini menghadapi cabaran masing-masing dengan kekangan situasi ketika pandemik ini.

"Antara yang dimaklumkan adalah masalah dari segi input iaitu pengangkutan seperti pergerakan kapal juga terhad pada ketika ini,"katanya.

Sebelum ini, KPDNHEP bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid dilaporkan berkata, subsidi harga itu akan diberikan kepada 20 pengusaha ladang ayam di tiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Perak, yang mengeluarkan 80 peratus bekalan ke seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Gangguan bekalan air halang aktiviti ekonomi Lembah Klang dalam PPN



JALALUDDIN Alias (dua dari kiri) menerima benik pokok durian daripada Haslina di Stesen MARDI Jelebu, Simpang Durian, Jelebu hari ini.-  
UTUSAN/AFIFI HAFIZ MOHD NOR

JELEBU: Isu gangguan bekalan air yang berlaku di Lembah Klang termasuk di Wilayah Persekutuan diharap tidak lagi berulang terutama selepas Putrajaya dan Kuala Lumpur beralih ke Fasa 2, Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, gangguan tersebut boleh mengganggu terutama aktiviti ekonomi di kawasan itu yang kembali pulih selepas beralih fasa dalam PPN.

Jelas beliau, perkara tersebut perlu dititikberatkan semua pihak supaya ia tidak menjadi penghalang kepada aktiviti ekonomi dan aktiviti harian penduduk.

“Bulan lalu, hampir seluruh kawasan di Wilayah Persekutuan Labuan mengalami gangguan bekalan air kerana terdapat masalah pengoperasian di Loji Rawatan Air, Jalan Kolam.

“Terbaharu, awal bulan ini sejumlah 463 kawasan di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air yang tidak berjadual sejak pukul 12 tengah hari termasuk 23 kawasan dalam Putrajaya, saya harap perkara ini tidak lagi berulang,

“Di dalam Fasa 2 PPN, banyak aktiviti ekonomi akan dibuka secara beransur-ansur dan ia memerlukan keperluan asas seperti air dan elektrik yang tidak terganggu bagi melancarkan operasi,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jelebu berkata demikian ketika ditemui pemberita pada pada program sumbangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin dan Penyerahan Benih Buah -Buahan Tempatan di Stesen MARDI Jelebu, Simpang Durian di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani. – UTUSAN ONLINE



Nur Affiah giving a talk on conservation and protection of turtles and marine species to visitors at Pulau Tinggi turtle hatchery.

# Raising awareness of sea turtles

## Campaign aims to reduce incidents of marine creatures being struck by boat propellers

By REMAR NORDIN  
remar@thestar.com.my

JOHOR Fisheries Department is conducting a sea turtle awareness campaign for boat operators in Mersing as part of its marine conservation project at Sultan Iskandar Marine Park.

Its Marine Park Resource Management and Protection chief Nur Afrah A. Rahman said one of the most prevalent challenges faced by the department was in dealing with boat strikes or collisions where turtles were injured after being struck by boat propellers.

She shared that the ongoing campaign was intended for the operators as they needed to be extra cautious whenever there were sightings of turtles in the sea.

As part of its conservation efforts, the department had also been conducting campaigns since the beginning of this month for fishermen and the inhabitants of

the islands near Mersing, added Nur Affiah.

She said the department intended to limit the number of sea turtle egg collection licences by enacting new rules.

The department is responsible for safeguarding and conserving marine species in the marine park, which encompasses more than 765sq km and 13 islands, making it one of the largest marine parks in the peninsula.

She added that there were currently 14 sea turtle egg collectors in Mersing and the new regulations would only grant licences to jobovans who reside in Mersing.

"The egg collector's licence must be renewed every year, and they must sell every sea turtle egg they collect back to the department for RM2.50 per egg."

"At the moment, the department is hatching 2,000 green turtle eggs, known as *penyu ager*, and 200 hawksbill sea turtle eggs, also

known as *penyu karah*.

"The most common sea turtle in Mersing is *penyu ager*, which can be found on all 13 islands in Mersing," she explained.

She added that there were plans to build a new turtle egg hatchery on Pulau Besar.

"We have two hatcheries in Mersing, one in Pulau Tinggi and Pulau Air Papan but the hatchery in Pulau Air Papan has ceased operations," said Nur Affiah.

She added that besides the sea turtles, the department was also running conservation efforts on the mud spiny lobster in Mersing.

"From July to September, the department proposed a temporary restriction on capturing mud spiny lobster, scientifically known as *panulirus polyphagus*."

"This is because it is the mating season for the lobsters," she said, adding that fishermen should avoid catching lobsters with eggs and carapace lengths of less than 6cm.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG	26

# Perak perluas kawasan ternakan rusa

Kerajaan negeri sedia kerjasama dengan negeri lain untuk bangunkan potensi penternakan haiwan berkenaan

Oleh SAIFULLAH AHMAD

Lenggong

**K**erajaan negeri Perak akan memperluaskan kawasan penternakan rusa di negeri ini melibatkan daerah Hulu Perak, Larut Matang dan Selama.

Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, sehingga kini, Perak mempunyai 14 padang ragut bagi penternakan rusa melibatkan keluasan 270.4 hektar.

Menurutnya, sebanyak 4,985



Razman menyampaikan ucapan ringkas ketika melawat Padang Ragut Sungai Soh, Kampung Bukit Sapi, di Lenggong pada Jumaat.

ekor rusa ditenak di negeri ini termasuk 1,500 ekor yang ditenak di kawasan padang ragut manakala selebihnya secara persendirian.

"Dalam Rancangan

Pembangunan Perak Tahun 2021 hingga 2025, kita bercadang meningkatkan pembangunan penternakan industri rusa melibatkan peruntukan sebanyak RM9.8 juta.

"Kita mencadangkan tambahan lima lagi padang ragut baharu melibatkan 57 penternak yang kita sasarkan untuk rancangan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melawat Padang Ragut Sungai Soh, Kampung Bukit Sapi di sini pada Jumaat.

Hadir sama, tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari Pahang iaitu ADUN Tanjung Lumpur, Rosli Abdul Jabar; ADUN Beserah, Andansura Rabu dan ADUN Panching, Mohd Tarmizi Yahaya.

Mengulas lanjut, Razman berkata, kerajaan negeri bersedia memberikan kerjasama kepada mana-mana kerajaan negeri untuk meneroka potensi penternakan rusa tersebut.

Beliau berkata, 90 peratus baka induk rusa di negara ini diperoleh di Perak malah kerajaan negeri Terengganu menjadi antara negeri yang telah mengambil baka induk berkenaan.

Dalam pada itu, Rosli men-

jelaskan kehadiran tiga ADUN Pas ke kawasan padang ragut berkenaan bertujuan melihat secara dekat penternakan rusa berkenaan.

Menurutnya, ternakan tersebut dilihat berpotensi untuk dibangunkan di Pahang memandangkan negeri tersebut mempunyai kawasan yang luas dan subur.

Jelasnya, perkara itu akan dicadangkan kepada kerajaan negeri memandangkan Pas juga sebahagian daripada kerajaan.

"Di Pahang kita ada ternakan rusa ini tetapi tidak sehebat di Perak. Jadi kedatangan kini ini dengan tujuan untuk melihat sendiri potensi rusa untuk dibawa ke Pahang.

"Pas menjadi sebahagian daripada kerajaan dan ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu projek untuk parti. Usaha ini boleh membantu meningkatkan ekonomi sama ada kerajaan negeri mahupun Pas Pahang," katanya.

## Maqis rampas putik bunga dari India

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 200 kilogram (kg) produk keluaran pertanian dari India di Gudang Zon Bebas Dermaga Air Dalam (DAD) pada Rabu lalu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, rampasan bernilai RM 5,009 dibuat hasil pemeriksaan rutin pegawainya di gudang berkenaan kira-kira jam 5.55 petang.

Beliau berkata, bungkusan guni yang diperiksa mengandungi putik bunga asam Belanda kering dan daun kering spesies *moringa leaf* cuba dibawa masuk tanpa mengemukakan permit import Maqis.

"Pembuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit yang sah merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh di hukum di bawah Seksyen 11(3), Akta yang sama," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Muhammad Ikram berkata, jika sabit kesalahan, syarikat boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu beliau berkata, Maqis Pulau Pinang sentiasa mengambil langkah serius bersama agensi penguatkuasaan di sempadan membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.

Tegasnya, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.



Putik bunga yang dibawa masuk dari India dirampas selepas cuba dibawa masuk tanpa mengemukakan permit import dikeluarkan oleh Maqis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## MARDI bekalkan benih tanaman secara percuma kepada petani



*Petani terbabit akan diberi bimbingan dari awal peringkat penanaman sehingga projek itu berhasil dengan pemantauan rapi MARDI. - Gambar hiasan*

**JELEBU:** Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) akan membekalkan benih buah-buahan dan sayuran-sayuran terpilih secara percuma kepada petani di seluruh negara, dengan kawasan pertanian disasarkan sebanyak 200 hektar (494 ekar) menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, ia bakal diberikan kepada petani yang mempunyai tanah yang sah sama ada pemilikan sendiri, pajakan atau sewaan, membabitkan tanaman termasuk durian, belimbing dan keledak.

Menurutnya, petani terbabit akan diberi bimbingan dari awal peringkat penanaman sehingga projek itu berhasil dengan pemantauan rapi MARDI, dalam tempoh empat tahun.

"Bagaimanapun projek ini hanya akan diberikan kepada petani yang benar-benar berminat dengan prosedur standard operasi (SOP), ditetapkan MARDI.

"Petani terlibat hanya diberikan salah satu tanaman atau sayur-sayuran yang dipilih untuk diusahakan dan pada masa ini kita sudah mula kenal pasti petani yang terlibat," katanya kepada pemberita selepas program sumbangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin dan penyerahan benih pokok buah-buahan di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri MAFI 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias.

Dalam pada itu, beliau berkata pihaknya menyasarkan 1,000 hektar kawasan tanaman diusahakan petani dengan menggunakan benih klon yang dibekalkan MARDI, menjelang tahun 2025.

Sementara itu, beliau berkata pelbagai jenis tanaman buah-buahan termasuk limau bali akan ditanam di tanah seluas 250 hektar milik MARDI di Simpang Durian, bagi merancakkan industri pengeluaran buah tempatan negara selain mahu menjadikan tanaman limau bali menjadi 'simbol' bagi Jelevu.

Terdahulu, Ahmad menyampaikan sumbangan bakul makanan MAFI Prihatin kepada 350 penerima sekitar Jelevu yang terjejas susulan penularan pandemik COVID-19, selain menyumbangkan 100 anak benih buah-buahan kepada mereka.

-- BERNAMA



25 SEP, 2021

## MARDI bekalkan benih tanaman secara percuma kepada petani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### MARDI bekalkan benih tanaman secara percuma kepada petani

**JELUBU:** Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) akan membekalkan benih buah-buahan dan sayuran-sayuran terpilih secara percuma kepada petani di seluruh negara, dengan kawasan pertanian disasarkan sebanyak 200 hektar (494 ekar) menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata ia bakal diberikan kepada petani yang mempunyai tanah yang sah sama ada pemilikan sendiri, pajakan atau sewaan, membabitkan tanaman termasuk durian, belimbing dan keledak.

Menurutnya, petani terbabit akan diberi bimbingan dari awal peringkat penanaman sehingga projek itu berhasil dengan pemantauan rapi MARDI, dalam tempoh empat tahun.

"Bagaimanapun projek ini hanya akan diberikan kepada petani yang benar-benar berminat dengan prosedur standard operasi (SOP), ditetapkan MARDI.

"Petani terlibat hanya diberikan salah satu tanaman atau sayur-sayuran yang dipilih untuk diusahakan dan pada masa ini kita sudah mula kenal pasti petani yang terlibat," katanya kepada pemberita selepas

program sumbangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin dan penyerahan benih pokok buah-buahan di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri MAFI 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias.

Dalam pada itu, beliau berkata pihaknya menyasarkan 1,000 hektar kawasan tanaman diusahakan petani dengan menggunakan benih klon yang dibekalkan MARDI, menjelang tahun 2025.

— Bernama



25 SEP, 2021

## MARDI bekalkan benih tanaman secara percuma kepada petani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

**JELEBU:** Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) akan membekalkan benih buah-buahan dan sayuransayuran terpilih secara percuma kepada petani di seluruh negara, dengan kawasan pertanian disasarkan sebanyak 200 hektar (494ekar) menjelang akhir tahun ini. Ketua Pengarahnya Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata ia bakal diberikan kepada petani yang mempunyai tanah yang sah sama ada pemilikan sendiri, pajakan atau sewaan, membabitkan tanaman termasuk durian, belimbing dan keledak.



# Hextar Global to remain on M&A route for expansion

## CORPORATE

By **THOMAS HUONG**  
huong@thestar.com.my

HEXTAR Global Bhd has ramped up its merger and acquisition (M&A) activities to diversify into the specialty chemicals sector. The group is among the largest agrochemical producers in Malaysia.

In July this year, the group acquired the Chempro Group for RM138mil.

The deal for Chempro, which provides niche specialty chemicals products for cleaning, hygiene and food as well as rubber glove industries in South-East Asia, came with a profit guarantee of RM39mil over three years which translates to a profit after tax (PAT) of RM13mil a year until financial year ending Dec 31, 2023 (FY23).

Also in July, Hextar Global proposed to acquire the Nobel Group for RM105mil.

The Nobel Group manufactures and supplies chemical derivatives, coating and related products and its customers include the large rubber glove makers.

The deal for Nobel, expected to be completed by early October, also comes with a profit guarantee of RM42mil over three years, which translates into a PAT of RM14mil per year.

Hextar Global executive director Datuk Eddie Ong Choo Meng is not concerned by analyst reports of lower average selling prices (ASPs), higher compliance costs and intensified competition that are expected to weigh down on glove makers' profitability.

A recent Hong Leong Investment Bank (HLIB) Research report opines that all glove makers will scale back on their expansion plans and be more disciplined in the commissioning of new lines, so as to not flood the market with excess supplies or put downward pressure on ASPs.

"We do not see this as an issue. Even though glove makers may be scaling back on

their expansion plans, Malaysia is still currently the world's largest producer, producing over a 100 billion pairs in 2020.

"Hence, the existing production is already very large. We are confident that Chempro Group and Nobel Group will meet their profit guarantees," Ong tells *StarBizWeek* via email.

In July, Hextar Global also proposed to enter the oil and gas sector via buying a 49% stake in Enra Kimia for RM24.5mil cash, partnering Ekopintar Sdn Bhd which will buy the balance 51% for RM25.5mil from Enra Group Bhd.

Enra Kimia supplies specialty chemicals, catalysts and odorants, as well as provide ancillary services for these products to the oil and gas and petrochemical industry in Malaysia, Australia and New Zealand.

Ong points out that Enra Kimia is licensed to conduct business with national oil company Petrolium Nasional Bhd (Petronas), and has the skill and experience in handling hazardous chemicals that has taken years to acquire.

"The oil and gas industry is very difficult to penetrate. This opportunity was one which we could not refuse. Datuk Mazlin Md Junid (president and group CEO of Enra Group) has years of experience in the industry and is the driving force behind Enra Kimia's business. We are very optimistic that our partnership in Enra Kimia will be a rousing success," he says.

Ekopintar is partly-owned by Datuk Mazlin, who is also a director of Enra Kimia.

Ong also took into account that for the financial year ended March 31, 2021, Enra Kimia had recorded its lowest profits over the past three financial years, as the company was badly affected by the movement control orders due to the Covid-19 pandemic.

"However, as the economy is slowly reopening, we expect that business recovery for Enra Kimia will come swiftly. As it is, we are already seeing average crude oil prices recovering from circa US\$40 (RM167) a barrel in

> SEE PAGE 6

## Agriculture-related businesses still relevant for Hextar Global

> FROM PAGE 4

2020 to an average of US\$65 (RM272) a barrel in 2021, and is now trending at above US\$70 (RM293) a barrel in September 2021," he says.

Ong says the acquisitions would enable Hextar Global to diversify its chemical product offerings to industries which are core drivers of the Malaysian economy.

He explains that the group's recent diversification allows it to expand its earnings base, and thus reduce its dependence on just one sector or industry.

"This makes us resilient. We still have the appetite to acquire companies and are always on the lookout for opportunities.

"We foresee that contributions from the specialty chemicals sector will be the catalyst for our future earnings growth, whilst the agriculture segment will continue to be the bedrock of our group," Ong explains.

Ong recalled that two years ago, when Hextar Global was formed after Hextar Chemicals Ltd group merged its agrochemicals business with Halex Holdings Bhd, he had told investors that its strategy to grow was through M&As.

"The agriculture industry is also a mature industry where you will not find new plantations being developed overnight. Hence, the fastest way to grow and to expand our earnings base would be through M&As," he explains, adding that the group still wants to continue to grow its presence in the agriculture industry.

"Hextar Global's background is in agriculture and we have extensive knowledge of the

industry. We will leverage on this knowledge to seek out opportunities to expand into other agriculture-related businesses," he says.

Ong noted that agriculture remains a vital sector in the country's economy, and is expected to be among the main focus areas in Budget 2022 as the government looks toward reducing the country's dependency on imported food in the long run.

Hextar Global is the leading crop management solutions provider in Malaysia with a strong global presence, due to its specialised agrochemical products supply chain.

Currently, about 95% of the group's revenue comes from its agriculture segment, and the balance 5% is contributed by its consumer products segment which produces disposable healthcare items such as wet wipes, tissue and cotton-based products.

In a report, PublicInvest Research noted that Hextar Global's consumer products segment had slipped deeper into the red with a net loss of RM800,000 in the recent second quarter (Q2) ended June 30, 2021.

Ong explains that the segment was badly affected by movement restrictions as many retail outlets and shopping malls were closed.

"These are our main distribution channels. We will, however, continue to work hard at turning around this business as we still believe it is a good business with products that are widely used by a wide range of consumers and where demand remains strong. It was already breaking even before the pandemic. We just need to make some adjustments to our distribution model and cost

structure," he says.

For Q2, Hextar Global's net profit fell 33% to RM7.44mil, from RM11.1mil a year ago while revenue fell 2% year-on-year to RM98.7mil.

The agrochemical group had blamed the reduced profits on lower revenue and gross profit margin, due to higher raw material prices and overhead costs.

Ong explains that the high raw material prices was due mainly to the disruption in the supply chain as well as logistics issues, resulting from the global pandemic.

"With our experience having been in this business for over 30 years, we had anticipated the impending rise in raw material prices and had stocked up on certain raw materials.

"Our raw materials do not have a shelf life and hence we are not limited by the expiry of our stocks. This allows us to manage our product costing more effectively. However, we were still affected by the increase in prices due to the prolonged disruption," he says.

Ong notes that the group's products are priced on a "cost plus" basis, and for shorter term supply contracts, margins are adjusted to reflect current market prices.

"In the interest of our long term relationship with our customers, we always work toward ensuring our products are priced competitively.

"For supply contracts which are based on tender, prices are locked in for the period of the contract, for example, one year.

"In such cases, we would have to manage the purchase of raw materials to ensure that the cost is within the contract value and our

margins are protected," he explains.

He points out that the group had done well in Q2 despite complying with the 60% workforce limit which was imposed from May 2021 and "only recently relaxed", and added that the group also had to cease operations for two weeks in June due to movement restrictions.

Ong is optimistic about the outlook for the rest of the year and going into 2022.

"We should be completing the integration of the Chempro business, the Nobel Group and also Enra Kimia by end-2021 and can look toward consolidating their results.

"For Enra Kimia, the transaction is subject to the approval of the shareholders of Enra Group by end-2021.

"So, we have much reason to be optimistic and I am looking forward to begin 2022 as an enlarged and diversified chemicals group," he says.

Ong says while the group has set itself growth targets for the next five years, he prefers not to reveal them.

"I believe that our track record in growing Hextar Global, from the time we merged our agrochemicals business with Halex Holdings two years ago, to where we are now, should be a good indication of the kind of growth rate which we are targeting."

As for challenges, he says finding the right talents would be near the top of his list.

"As the M&A activities increase and our businesses continue to diversify, there will be an increasing need to lure capable talent to help manage these businesses effectively and efficiently," says Ong.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	24



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	30

# 119 bot nelayan asing dilupuskan

Ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan sekitar pulau di Kelantan dan Terengganu

Oleh RUBIAH OMAR

**KUALA TERENGGANU**



MUHAMMAD SUFFI

**A**geni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu telah melupuskan sebanyak 119 bot milik nelayan asing bernilai lebih RM179 juta sejak tahun 2010 sehingga kini.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, bot di pantai timur yang disita dilupus secara penenggelaman untuk dijadikan tukun tiruan di sekitar pulau dekat Kelantan dan Terengganu.

"Kawasan tukun tiruan memberi satu kesan jangka panjang sebagai satu habitat baharu untuk ekosistem marin, selain menjadi peranti pemuliharaan biodiversiti marin serta tempat perlindungan dan sumber makanan kepada hidupan laut.

"Tukun tiruan ini sebahagian sumbangan Maritim Malaysia kepada perairan negara apabila bot yang dirampas ditenggelamkan untuk dijadikan tukun sebagai tarikan di kawasan taman-taman laut di pantai timur Semenanjung bagi merancakkan lagi sektor pelancorigan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Beliau berkata, antara lokasi yang menjadi pilihan bot nelayan asing dilupuskan dan ditenggelamkan sebagai tukun tiruan ialah

FOTO: MARITIM MALAYSIA TERENGGANU



Sebuah bot nelayan asing yang ditenggelamkan di Pulau Redang, Besut untuk dijadikan tukun tiruan.

di sekitar Pulau Redang iaitu sebanyak enam bot, perairan Pulau Bidong (dua), perairan Batu Burok (enam), perairan Kuala Nerus (empat), Pulau Kapas (tiga) dan Pulau Susu Dara di Kelantan (13 bot).

Muhammad Suffi berkata, majoriti jumlah bot nelayan asing dari Vietnam yang dilupuskan dan ditucut hak itu ditahan atas kesalahannya menceroboh serta melakukan aktiviti perikanan tanpa kebenaran di perairan negara sejak 2019 sehingga September tahun ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	KOSMO	NEGARA	7

# Nelayan muda terjebak dadah akibat pengaruh rakan

**KOTA TINGGI** - Tindakan segelintir nelayan muda yang mengambil dadah kononnya untuk 'kuat' akan memakan diri sendiri bahkan tidak berbaloi.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pengerang, Abu Bakar Mohamad berkata, kebanyakan mereka yang terlibat dadah terdiri daripada golongan muda yang terpengaruh dengan rakan-rakan mereka.

Katanya, berbeza dengan nelayan veteran yang telah berpuluh tahun mencari rezeki di laut kebanyakan masih kuat meskipun pada usia 60 tahun tanpa perlu mengambil barang terlarang itu.

Jelasnya, meskipun kes itu adalah terpencil bagi PNK itu namun pihaknya amat mengambil cakna dengan perkara tersebut.

"Kita difahamkan mereka yang ada terlibat mengambil barang terlarang ini biasanya nelayan yang ke laut sehari-hari tak pulang. Kononnya untuk tambah tenaga jadi ambil dadah.

"Satu tindakan yang tidak berfaedah bahkan merosakkan diri sendiri. Kuat sekejap sahaja tapi kesan kepada diri amat teruk.

"Jika kita lihat nelayan dahulu kita tak pernah dengar



**BOT** Jenis fibre yang dirampas pihak berkuasa disyaki digunakan sindiket penyeludupan dadah di Johor baru-baru ini.

kes seperti ini. Nelayan dahulu hanya amalkan gaya hidup yang sihat untuk tenaga mereka ambil protein lebih antaranya melalui makan ikan segar diperolehi," katanya ketika ditemui di sini.

Semalam *Kosmo!* melaporkan urusan jual beli dadah hingga ke tengah laut bagi mengaburi pihak berkuasa disebabkan permintaan tinggi nelayan di Johor.

Abu Bakar berkata, tidak dinafikan kerja nelayan memang memerlukan banyak tenaga kerana perlu menarik pukot, mengangkat ikan dan sebagainya.

Katanya, namun beliau yakin



**KERATAN** *Kosmo!* semalam.

rutin yang dilakukan di laut secara kerap secara tidak langsung akan menjadikan nelayan terbiasa dan kekal sihat tanpa perlu mengambil dadah.

## 'Bajak sawah pun seronok juga'



ANAS Azizie bertekad memilih pekerjaan di sawah padi.

**Jerantut:** Memiliki ijazah atau diploma dari universiti belum menjamin pekerjaan di sektor kerajaan ataupun swasta buat masa ini.

Begitu cabaran ditempuh pemegang diploma kulineri sebuah universiti awam, Anas Azizie Rosli, 25, selepas menamatkan pengajian empat tahun lalu yang masih belum berpeluang bekerja dalam bidang dipelajari.

Anas Azizie berkata, dia bertekad memilih pekerjaan di sawah padi memandangkan bapanya, Rosli Saad juga pesawah yang mencari rezeki membesarkan ahli keluarga dan memastikan mereka lima beradik mendapat pendidikan.

"Saya kini lebih berminat menguruskan sewaan jentera pembajak kepada pesawah lain di kampung ini selain membantu bapa menjalankan tugas mengambil upah membajak sawah petani.

"Bapa menyerahkan tugas ini kepada saya untuk me-

nguruskan dua traktor dan dua Kubota yang bernilai hampir RM60,000 untuk disewakan kepada pesawah bagi membajak setiap kali awal musim," katanya di Kampung Gintong, dekat sini.

Menurut Anas Azizie yang berasal dari Tokai, Kedah, pada masa sama dia juga mengendalikan jentera Kubota meratakan tanah di sawah iaitu antara kerja terakhir sebelum benih padi ditabur.

Anas Azizie anak ketiga daripada lima beradik berkata, buat masa ini dia komited dengan pekerjaan sebagai pesawah serta mengendalikan jentera itu dan berkemungkinan melupakan terus cita-cita sebagai chef atau memiliki perniagaan makanan sendiri.

"Pada peringkat awal, agak kekok dan sukar menyesuaikan diri duduk di tengah panas membawa traktor membajak sawah petani.

"Lama kelamaan saya jadi seronok melakukan kerja ini, apatah lagi dapat membantu petani mengusahakan sawah mereka," katanya.

Beliau berkata, sehingga ini dia menumpukan pengurusan sewa jentera serta kerja membajak sawah di Kampung Gintong sebelum kembali ke kampungnya di Tokai untuk memulakan musim sawah padi di sana.

Katanya, sejak tahun lalu, dia dan bapanya berulang alik dari Kedah ke Kampung Gintong, Jerantut memungahkan jentera pembajak untuk disewa pesawah di situ termasuk membantu tugas pembajakan di sawah.

Anas Azizie berkata, walaupun mempunyai diploma, dia tidak malu membantu ayahnya di sawah kerana dia lebih malu kalau hanya duduk di rumah dengan tidak membuat sebarang kerja.

"Bapa amanahkan saya menguruskan jentera pem-



**Bapa amanahkan saya menguruskan jentera pembajak ini dan saya sudah mencongak mahu membeli beberapa jentera pembajak lagi"**

**Anas Azizie**

bajak ini dan saya sudah mencongak mahu membeli beberapa jentera pembajak lagi memandangkan permintaan untuk sewaan dalam kalangan petani di Pahang dan Kedah semakin menggalakkan.

"Saya berharap rakan siswazah lain supaya jangan menunggu jawatan di sektor kerajaan atau swasta sebaliknya rebutlah peluang pekerjaan yang ada di kampung seperti dalam bidang pertanian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	KOSMO	NEGARA	16



**AZMAN (tengah)** bersama rakan komuniti memeriksa hasil tanaman buah rock melon yang diusahakan dengan kaedah pertanian moden di Bandar Saujana, Sungai Buloh semalam.

## Rock melon kebun komuniti mini Cameron Highlands

**SUNGAI BULOH** - Komuniti penduduk di kawasan Bukit Saujana di sini, mengusahakan projek pertanian moden yang diberi jolokan mini Cameron Highlands.

Menurut pengurus projek, Azman Mansor, 48, idea itu ter-cetus susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada Mei lalu dengan mengusahakan penanaman rock melon di sepanjang lorong belakang rumah.

Katanya, usaha ini juga bertujuan untuk memupuk gaya hidup sihat serta menjadikan aktiviti bercucuk tanam sebagai minat di kawasan tersebut sekali gus mengeratkan tali persahabatan antara penduduk setempat.

"Kami memilih untuk menanam buah rock melon ini kerana mudah untuk ditanam, cepat

berbuah dengan mengambil masa 75 hari untuk tuai hasil serta kos penjagaan yang murah.

"Terdapat dua kaedah tanaman yang digunakan iaitu kaedah fertigasi dan hidroponik," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Jelasnya, sebanyak 200 batang pokok rock melon yang ditanam Mei lalu kini sudah pun membuahakan hasil.

Tambahnya, banyak perancangan sudah diatur oleh penduduk setempat termasuklah mewujudkan sebuah koperasi.

Kata Azman lagi, kawasan kejiranan tersebut akan mempelbagaikan lagi jenis tanaman dan membesarkan kawasan tanaman di lorong belakang rumah itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

## PNK runsing chalet rugi ratusan ribu ringgit

**KOTA TINGGI:** Lebih setahun tidak beroperasi, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pengerang, di sini menanggung kerugian ratusan ribu ringgit apabila chalet yang diusahakan persatuan sunyi tanpa kehadiran pengunjung.

Pengerusi PNK Pengerang, Abu Bakar Mohamad berkata, Nelayan Beach Resort yang terletak di Kampung Baru, Teluk Ramunia adalah sumber ekonomi utama bagi persatuan tersebut melalui aktiviti perkhemahan dan perkelahan pengunjung.

Katanya chalet yang mempunyai 24 buah bilik itu mampu meraih sehingga RM12,000 sebulan sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selain perniagaan minyak dan menjual peralatan pukat serta jaring sebagai pendapatan, PNK Pengerang bergantung kepada chalet tersebut yang pada awalnya hanya memiliki 13 buah bilik.



**NELAYAN Beach Resort yang diusahakan PNK Pengerang mengalami kerugian akibat pandemik Covid-19 yang melanda di Kampung Baru, Teluk Ramunia di Kota Tinggi, Johor. - UTUSAN/MASTURAH SURADIABU BAKAR MOHAMAD**

"Melihat kepada sambutan diterima daripada pelancong, kami menambah lagi kemudahan di chalet berkenaan dengan harapan mendapat lebih keuntungan buat persatuan.

"Bagaimanapun, kami kini

runsing dengan kerugian ditanggung dan pada masa sama masih perlu mengeluarkan kos bulanan bagi membayar gaji pekerja dan lain-lain," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini.

Ujar Abu Bakar, mereka fa-

ham situasi tersebut bukan sahaja hanya berlaku kepada PNK Pengerang, namun boleh dikatakan para pengusaha di seluruh negara berdepan keadaan sama apabila tidak boleh menerima pengunjung.



Persatuan nelayan runsiang terpaksa tanggung rugi besar, mohon suntikan dana

## Chalet PNK Pengerang kini sunyi sepi

Oleh MASTURAH SURADI

**KOTA TINGGI** - Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pengerang di sini merayu supaya kerajaan membantu mereka untuk bangkit selepas menanggung kerugian besar akibat chalet yang diusahakan sunyi sepi tanpa kehadiran pengunjung sejak setahun lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pengerang, Abu Bakar Mohamad berkata, Nelayan Beach Resort yang terletak di Kampung Baru, Teluk Ramunia langsung tidak memberi pulangan hasil sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Katanya, sebelum ini, chalet yang mempunyai 24 buah bilik itu mampu memberi pendapatan RM12,000 sebulan kepada PNK Pengerang.

"Dahulu chalet ditempah oleh mereka yang melakukan aktiviti perkhemahan dan perkelahan, namun kini ia sunyi sepi. Sebe-



CHALET milik PNK Pengerang di Kampung Baru, Teluk Ramunia, Pengerang sunyi sepi tanpa kehadiran pengunjung sejak PKP dilaksanakan akibat Covid-19.

lum buat chalet, kami menjual petrol, namun ia tidak seuntung dahulu sebelum beralih kepada pelancongan.

"Petrol tak laku kerana operasi

bot yang dahulunya sebanyak 43 buah kini semakin berkurangan, manakala nelayan pula sudah tua dan tidak larat untuk ke laut. Sebelum ini tiga tangki petrol

boleh habis dalam tempoh sebulan tetapi sekarang tiga bulan baru habis dijual," katanya.

Tambahnya, selain petrol dan peralatan pukat serta jaring, PNK

Pengerang terus bernafas melalui tempahan chalet tersebut.

Bagaimanapun, menurut Abu Bakar, mereka kini runsiang apabila terpaksa menanggung kerugian besar serta dalam masa sama masih perlu mengeluarkan kos bulanan bagi membayar gaji pekerja dan kos-kos lain.

"Situasi ini bukan sahaja berlaku kepada PNK Pengerang. Boleh dikatakan seluruh Malaysia berdepan keadaan ini kerana kami tidak boleh terima pengunjung," katanya.

Ujar Abu Bakar, mereka berharap Pasa 2 Pelan Pemulihan Negara akan dapat membantu melonjakkan kembali ekonomi mereka.

"Kami juga berharap sekiranya pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dapat memberikan sedikit suntikan dana buat persatuan dalam pada kami untuk bangkit semula dari situasi ini," katanya lagi.

## Tanaman jagung jadi penyambung hidup pemuda

**JERANTUT** - Buah ayam nampak di kaki, buah manusia siapa yang tahu. Perumpamaan itu sesuai untuk menggambarkan nasib seorang pemuda yang bergelar pekebun berjaya selepas kerjayanya musnah akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran Covid-19.

Ahmad Mazran Abdul, 26, nekad berhenti kerja di Melaka untuk pulang ke kampung di Fel-da Kota Gelanggi Dua di sini, untuk mengusahakan kebun jagung di atas tanah milik orang tuanya seluas 0.4 hektar.

Katanya, dia mampu meraih pendapatan sehingga RM8,500 untuk setiap pusingan tuai.

"Sebaik berhenti kerja kerana PKP, saya terus pulang ke kam-

pung untuk membantu ibu bapa menguruskan tanaman jagung dan sayur-sayuran di tapak tanah sedia ada sejak setahun lalu.

"Ibu bapa banyak mengajar saya sehingga mereka menyerahkan sepenuhnya kebun ini kepada saya. Saya menggunakan modal simpanan RM1,200 untuk menanam 6,000 batang pokok jagung," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, setiap tujuh tongkol jagung dijual pada harga RM10 untuk penduduk sekitar dan orang kampung sama ada secara tempahan atau bayar ketika penghantaran.

"Saya merancang untuk memperluaskan lagi tanaman jagung bagi menampung permintaan yang semakin tinggi," katanya.



AHMAD MAZRAN menunjukkan sebahagian pokok jagung yang diusahakan di kebunnya di Fel-da Kota Gelanggi Dua, Jerantut semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	7

# JUTAWAN BERJIWA KAMPUNG

Mohamad Azlan memiliki perniagaan hartanah lebih selesa-layan penternakan lembu

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli  
am@hmetro.com.my

**Besut**

Sebut sahaja jutawan Pengutip Sampah pasti ramai terbayang susuk tubuh seorang lelaki berjanggut yang bergerak dengan helikopter dari rumah ke kedai kopi dan pelbagai sikap merendah diri lelaki ini.

Ramai yang teruja melihat kejayaan anak muda berusia 34 tahun dari Kampung Tok Raja, Besut itu yang bangkit daripada keluarga miskin tegar berubah kepada seorang jutawan hartanah yang di-segani.

Terbaru tular videonya menaik helikopter dan mengambil bapanya di rumah untuk bersarapan di kedai kopi di Kuala Besut sehingga mencapai 1.6 juta tontonan di Facebook.

Hakikatnya, masyarakat hanya lihat sisi mewahnya di media sosial namun terlepas pandang akan sisi sederhana Mohamad Azlan Abdullah @ Ali atau lebih dikenali sebagai Mohamad Azlan Al Amin yang tidak kekok menjalani kehidupan biasa selain menguruskan ternakan lembunya biarpun kini memiliki aset puluhan jutaan ringgit.

Tanpa berselindung Mohamad Azlan mengakui lebih selesa menjalani kehidupan di kampung sambil menguruskan ternakan lembu.

"Orang kenali saya dengan penampilan korporat dan menaik helikopter di media sosial, tetapi hakikat sebenarnya

orang kampung yang bergelumang dengan lumpur dan najis lembu.

"Berkain pelekat dan baju t-shirt putih ialah pakaian kegemaran saya pada setiap masa. Jika boleh ketika hadir ke mesyuarat juga ingin pakaian seperti itu.

"Kita bekerja dengan masyarakat dan perlu ikut peraturan dan kesesuaian masa dan tempat," katanya.

Katanya, beliau tidak pernah menyangka videonya menaik helikopter dan pulang ke rumah mengambil ayahnya, Abdullah @ Ali Ahmad, 74, untuk ke kedai kopi menjadi tular.

"Saya menjalankan perniagaan hartanah dan kaed pengangkutan udara iaitu helikopter diperlukan untuk me-

ninjau tanah daripada pandangan udara.

"Tiada niat untuk menunjuk-nunjuk cuma helikopter itu satu keperluan dalam kerjaya saya. Apabila tindakan saya pulang ke rumah dengan helikopter, ia sesuatu yang pelik kerana situasi seperti itu jarang berlaku.

"Bagaimanapun, bagus juga tular kerana ia secara tidak langsung memberi motivasi kepada anak-anak muda untuk bangkit berjaya seperti saya," katanya.

Tambahnya, dia tidak memiliki kemewahan seperti yang disangka ramai dan lebih selesa hidup sederhana.

Menurutnya, dia bersyukur kerana kejayaannya dalam bidang hartanah dan perniagaan termasuk produk kesihatan yang dijalankan menjadi inspirasi kepada orang ramai.



MOHAMAD Azlan sedang menguruskan lembu miliknya di kandang.



MOTOSIKAL digunakan Mohamad Azlan dalam menjalani kehidupan seharian.



TAKSI-KAP luar video tular menunjukkan Mohamad Azlan membawa bapanya bersarapan menaik helikopter.